

23 JUN 2000

Najib-Pangkat

JAWATAN PANGLIMA TUDM DAN TLDM DINAIKKAN TARAF

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan kenaikan taraf beberapa jawatan tinggi dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selaras dengan penyusunan semula ATM bagi memantapkan lagi organisasi itu.

Selaras dengan penyusunan semula itu, jawatan Panglima Tentera Laut (PTL) yang berpangkat Laksamana Madya akan dinaikkan pangkat kepada Laksamana dan Panglima Tentera Udara (PTU) daripada Lt. Jeneral TUDM kepada Jeneral TUDM.

"Dengan pangkat baru itu jawatan tertinggi dalam TLDM dan TUDM kini sama taraf dengan pangkat Panglima Tentera Darat (PTD)," katanya pada persidangan media selepas menyampaikan sijil Institut Kemahiran dan Keusahawanan (IKK) Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) di Kem Sungai Buloh, dekat sini.

Jawatan kedua-dua Timbalan PTL dan PTU juga dinaikkan taraf daripada Laksamana Muda TLDM dan Mejar Jeneral TUDM masing-masing kepada Laksamana Madya dan Lt. Jeneral, katanya.

Selain itu, tiga jawatan tambahan pada peringkat Bridger Jeneral bagi tentera darat serta penambahan beberapa jawatan kanan yang lain dalam Markas Tentera Darat, TLDM dan TUDM.

Beliau berkata, kerajaan telah meluluskan kenaikan taraf jawatan itu baru-baru ini.

"Kelulusan yang diberikan oleh kerajaan adalah satu pengiktirafan yang besar kepada ATM dan saya mewakili ATM ingin ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas perkara ini," katanya.

"Saya percaya penambahan dan kenaikan taraf jawatan itu akan meningkatkan moral, semangat dan daya juang ATM dan dapat mencerminkan ATM sebagai sebuah organisasi yang mampu menghayati keperluan semasa," katanya.

Ketika berucap pada majlis itu, Najib meminta Perhebat sentiasa memberi perhatian berat dalam penggunaan teknologi maklumat (IT) untuk meningkatkan apa juga program latihan dan kebajikan yang diusahakannya untuk kebaikan kumpulan sasarannya.

Pada majlis itu seramai 268 peserta menerima sijil masing-masing dalam pelbagai bidang kemahiran.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera Jen (B) Tan Sri Mohd Ghazali Che Mat dan Pengerusi Perhebat Jen (B) Tan Sri Borhan Ahmad.

-- BERNAMA

APG PR